

# SBC anjur webinar 'Seagrass Ecology & Diversity' 16 Mac

**KUCHING:** Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC) akan mengadakan webinar bertajuk 'Seagrass Ecology & Diversity' pada 16 Mac ini menerusi Zoom.

Webinar tersebut akan bermula pada jam 10 pagi dan disampaikan penceramah berpengalaman Prof Dr Muta Harah Zakaria.

Dr Muta merupakan profesor di Jabatan Akuakultur, Fakulti Akuakultur Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dalam webinar itu nanti, Dr Muta akan berkongsi penemuan menarik mengenai status dan taburan terkini rumput laut dan pelbagai ancaman kepada rumput laut di Malaysia.

Sebagai tambahan, Dr Muta akan bercakap mengenai kepentingan rumput laut dari segi ekologinya, fungsi, sumber makanan dan sebagai pemuliharaan biodiversiti pantai.

Dr Muta dan pasukannya juga telah menjalankan penyelidikan mengenai tak-

**FREE WEBINAR**

Hosted by:

**Sarawak Biodiversity Centre**

**Seagrass Ecology & Diversity**

**DATE & TIME:**  
16<sup>th</sup> March 2022 (Wednesday),  
10.00 am (GMT:+8.00)

**REGISTER HERE:**  
<https://shorturl.at/pKX18>  
Limited to 500 participants only

**LIVE**

or log on to [facebook.com/sarawak.biodiversity.centre](https://facebook.com/sarawak.biodiversity.centre) to join the webinar

**Professor Dr Muta Harah Zakaria**  
Professor at the Department of Aquaculture,  
Faculty of Agriculture,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

For more info: [www.sbc.org.my](http://www.sbc.org.my)

**BERMANFAAT:** Sertai webinar mengenai ekologi rumput laut anjuran SBC pada 16 Mac ini menerusi Zoom bermula jam 10 pagi.

sonomi dan biologi, ekologi, genetik molekular dan tumbuhan air tawar.

Beliau juga terlibat dalam beberapa projek di bawah Japan International Co-operation Agency (JICA).

Dr Muta telah menulis lebih daripada 200 penerbitan dalam pelbagai jurnal dan buku.

Ambil peluang ini untuk

mendapatkan perkongsian daripada pakar dan daftar menerusi Zoom di <http://shorturl.at/pKX18>.

Webinar ini juga akan disiarkan secara langsung di laman rasmi Facebook SBC dan pengguna media sosial digalakkan untuk tanda 'Like' dan 'Follow' laman Facebook SBC untuk maklumat terkini.